

UMT bangun modul isu gangguan seksual

BH / 18.01.24 / M/S 22



Ketua Polis Terengganu, Datuk Mazli Mazlan (dua dari kanan) diiringi Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Dr Mohd Izani Mohd Zain (kanan) melawat gerai pameran selepas Majlis Perasmian Advokasi Antigangguan Seksual, baru-baru ini.

Kuala Lumpur: Isu gangguan seksual dalam kalangan mahasiswa perlu dipandang serius kerana ia menyumbang kepada ketidaksejahteraan atau mengganggu keselesaan sepanjang berada di institusi pengajian tinggi.

Prihatin terhadap isu berkenaan, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) sedang membangunkan modul kesejahteraan khusus kepada mahasiswa berkaitan isu gangguan seksual di negara ini.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Mazlan Abd Ghaffar, berkata pihaknya memandang serius berkaitan isu terbabit dan perlu ditangani

“Hasil pembangunan Indeks Kesejahteraan Pelajar ini, kami akan memperkenalkan modul kesejahteraan yang boleh membantu meningkatkan kesihatan mental khususnya pelajar di sini.

“Isu gangguan seksual antara elemen penting dalam pembangunan modul berkenaan selain memfokuskan kesedaran pelajar

mengenai isu kehidupan yang boleh mempengaruhi ketahanan diri, meningkatkan penghargaan kenderi dalam melahirkan pelajar yang berdaya tahan dan sejahtera dari sudut fizikal, mental dan emosi,” katanya.

Selain pembangunan modul berkaitan gangguan seksual, Mazlan berkata pihaknya turut menganjurkan program Seminar Kasih Kaunseling @ Advokasi Antigangguan Seksual bagi memberi kesedaran kepada masyarakat berkaitan isu berkenaan.

Katanya, program yang dianjurkan oleh Pusat Kaunseling dan Kesejahteraan Mahasiswa melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMT itu turut mendapat kerjasama daripada Ibu Pejabat Kontinjen Polis Negeri Terengganu (IPK).

“Program ini adalah langkah untuk membentuk kesedaran mahasiswa dan masyarakat berkaitan perihal jenayah gangguan seksual serta hak perlindungan supaya ia dapat mewujudkan sua-

sana persekitaran yang harmoni dan sejahtera.

“Saya yakin dan percaya, usaha kecil kita pada hari ini akan membuahkan hasil yang besar suatu hari nanti, sekali gus dapat membentuk persekitaran yang sejahtera dan bebas daripada gangguan seksual,” katanya.

Antara perkongsian yang menjadi fokus utama dalam program Seminar Kasih Kaunseling @ Advokasi Antigangguan Seksual ini adalah kefahaman mengenai definisi gangguan seksual yang sebenar dan kesannya terhadap mangsa dan pemangsa.

Ia turut memperkenalkan aplikasi teori berperkelambakan dalam membantu isu gangguan seksual, peranan dan tanggungjawab diri sendiri dalam menjauhkan diri daripada menjadi mangsa gangguan seksual, aplikasi terapi seni dalam menangani kes gangguan seksual, kategori gangguan seksual di pejabat dan tempat belajar serta ‘Townhall Discussion’ Jenayah Gangguan Seksual.